

Liong Sik sedia hadapi saman ahli perniagaan -

UM - 2 FEB 2003
KUALA LUMPUR 1 FEB

Menteri Pengangkutan, Datuk Seri Dr. Ling Liong Sik berkata, beliau bersedia berdepan dengan saman yang dikemukakan oleh ahli perniagaan, Datuk Soh Chee Wen.

"Dia kata mahu failkan di mahkamah, jadi kami akan berjumpa di mahkamah," katanya.

Beliau yang juga Presiden MCA berkata demikian pada sidang media selepas Rumah Terbuka MCA di sini hari ini.

Beliau diminta mengulas tindakan Chee Wen menyumannya dan Syarikat Linksun Avenue Sdn. Bhd. dalam usaha menuntut pembayaran balik hutang lebih RM149 juta yang didakwa hasil keuntungan penjualan saham.

Dalam writ saman yang difailkan di Mahkamah Tinggi di sini pada 27 Januari lepas, Chee Wen menamakan Linksun Avenue Sdn. Bhd. sebagai defendan pertama manakala Liong Sik defendan kedua.

Liong Sik berkata, apa yang penting ialah beliau yakin tidak bersalah terhadap dakwaan-dakwaan itu.

Katanya, dakwaan itu juga tidak seharusnya dikaitkan dengan hasrat beliau meletakkan jawatan daripada Kabinet.

Menurutnya, rakyat negara ini telah mengetahui hasratnya meletakkan jawatan menerusi satu surat yang diserahkan kepada Perdana Menteri Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad.

Beliau bagaimanapun enggan mengulas lanjut mengenai tindakan saman oleh Chee Wen itu dan menyerahkannya kepada peguam yang akan mewakilinya di mahkamah.

Ketika ditanya mengenai bukti-bukti yang dikatakan dimiliki oleh Chee Wen, Liong Sik berkata bahawa beliau tidak percaya dengan bukti berkenaan.